

SASTERA PENGGERAK BAHASA

SERIOUS: Dari kiri Datuk Mohd Noor Azam, Prof. Madya Zainal Abidin Borhan dan Prof. Madya Dr. Idris Zakaria dalam Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Keris Mas di DBP.



Seminar Pemikiran SN Keris Mas

Oleh Normala Mohamad Yusof

SEMINAR Pemikiran Sasterawan Negara (SN) Keris Mas telah berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 2 Ogos hingga 4 Ogos lalu. Antara lain, seminar ini membincangkan karya Keris Mas daripada pelbagai genre secara tuntas melalui pelbagai teori dan kritikan. Seminar ini juga mengupas pemikiran kreatif beliau dalam karya-karya besar seperti *Pahlawan Rimba Malaya* (1946), *Korban Kesuciannya* (1949), *Anak Titiwangsa* (1967), *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1982), dan *Rimba Harapan* (1986).

Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Tan Sri Kamarul Ariffin Mohamad Yassin dalam ucapannya menyatakan, "Seminar ini merupakan satu wahana kepada sarjana dan pemikir sastera membentangkan kertas kerja yang mengupas pemikiran sastera secara mendalam tentang teori falsafah dalam 76 buah cerpen, novel-novel besar dan puisi Keris Mas sepanjang tempoh 43 tahun pelibatan beliau dalam penulisan sastera."

Prof. Dr. Haji Awang Sariyan antara 26 orang pembentang kertas kerja yang telah membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk, "Perbincangan Gaya Bahasa Sas-

tera Tulisan Keris Mas: Analisis daripada Sudut Linguistik" menyatakan, "Keris Mas merupakan sasterawan besar yang mempunyai penguasaan bahasa yang baik dalam karyanya. Bahasa yang digunakannya utuh, baik, berkesan dan antara yang terindah dalam zaman kesusastraan Melayu moden. Bagi beliau, bahasa yang baik merupakan cerminan peribadi dan pemikiran yang lahir dari jiwa penulis."

Menurutnya lagi, "Bagi Keris Mas kesalahan bahasa dalam karya sastera tidak boleh dianggap sebagai gaya penulisan. Begitu juga dengan pemilihan kata yang tidak tepat, stail yang keinggerisan dan

ayat-ayat yang tidak lengkap serta pemakaian penambahan yang salah dan lain-lain kesalahan bahasa menjadikan sesebuah karya sastera itu cacat, walaupun karya itu baik dari segi isi, plot dan tema. Keris Mas menentang konsep linguistik yang penting, iaitu bahasa yang baik perlu memenuhi dua ciri utama, iaitu bertatabahasa dan bermakna."

Sasterawan juga tidak seharusnya tenggelam dalam imaginasi semata-mata dengan melampirkan perasaan peribadi, tetapi perlu menjadikan karya sastera sebagai wahana pembinaan jati diri dan tamadun bangsa.

KUIZ SASTERA SIRI 3

SILA lengkapkan maksud pantun klasik di bawah ini dan namakan jenis pantun berdasarkan tema pantun bagi setiap rangkap pantun tersebut. Pemenang akan menerima cenderamata istimewa daripada **KLIK DBP**.

*Apa guna pokok pinang,
Daun hijau kuning jadi;*

*Bakar bara waktu petang,
Hendak melayur daun palas;*

Syarat Penyertaan:

Penyertaan terbuka kepada semua pembaca **Klik DBP**. Tarikh tutup penyertaan **2 September 2005**. Keputusan muktamad.

Hantarkan jawapan berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat kepada:

**Ketua Editor Klik DBP,
Kuiz Sastera Siri 3,
Bahagian Pengembangan
Bahasa Sektor Swasta,
Dewan Bahasa
dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.**

Faksimile: 03-2142 2029
E- mel:
mashitah@dbp.gov.my

WAWANCARA KARYAWAN

Ke Mana Tumpahnya Kuah...

Syed Mohd Zakir Syed Othman atau nama penanya S.M. Zakir anak Sasterawan Negara ke-9, S. Othman Kelantan yang giat menghasilkan karya kreatif. Sehingga kini, beliau telah menerima sebanyak 22 anugerah sastera. Ikutilah wawancara Editor **Klik DBP**, Azmi Ibrahim dengan beliau.



S.M. Zakir

Adakah saudara bercita-cita menjadi seperti bapa saudara yang dinobatkan sebagai Sasterawan Negara ke-9?

Dalam dunia penulisan, saya hanya menulis. Anugerah dan pengiktirafan yang diberikan, saya anggap sebagai rezeki daripada Tuhan. Semua yang baik datangnya daripada Allah s. w. t. dan yang buruk datangnya daripada saya.

Sejauh manakah DBP berjaya memartabatkan kesusasteraan

di Malaysia?

Kejayaan memartabatkan kesusasteraan ini adalah perkara subjektif. Namun begitu, pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh DBP wajar disokong oleh semua pihak terutamanya penulis. Hubungan baik antara DBP dengan penulis serta ahli akademik harus menjadi pemangkin kepada pencapaian matlamat memartabatkan kesusasteraan di Malaysia.

Menurut pandangan saudara,

apakah yang dimaksudkan dengan karya sastera yang bermutu?

Karya sastera yang bermutu ialah karya yang menggambarkan situasi pemikiran dan persoalan utama masyarakat sesuatu zaman yang diwakili oleh seseorang penulis itu. Ini bermakna penulis haruslah peka dengan keadaan persekitaran di samping berani meneroka ruang-ruang baharu. Karya yang bermutu bukan sahaja menggarap pemikiran dan karya

yang unggul tetapi juga disampaikan dengan bahasa, gaya, imaginasi, kreativiti dan olahan yang mantap yang mampu meninggalkan kesan mendalam kepada pembaca.

Bagaimana pembaca boleh menghubungi saudara?

Saya boleh dihubungi melalui e-mel smzakir90@hotmail.com.

PEDOMAN SASTERA

RUBAI berasal daripada istilah Arab ruba'iyah, ciptaan pujangga Parsi pada abad ke-9 atau ke-10 Masihi yang berkembang dalam masyarakat Melayu sejak akhir abad ke-16 melalui tulisan Hamzah Fansuri.

Ruba'i terdiri daripada dua bait (bahagian) yang mengandungi empat misra' (lengan/baris). Lazimnya, setiap misra' mengandungi 13 suku kata, tetapi terdapat juga yang mengandungi 10 hingga 15 suku kata.

Sesebuah ruba'i membawa maksud yang lengkap dan tidak berkaitan dengan ruba'i yang berikut-

nya. Rima akhir ruba'i biasanya berakhir dengan *aba*, namun ada juga yang berakhir dengan rima *aaaa*. Tiga misra' awal ialah pembayang, manakala misra' terakhir (keempat) ialah inti.

Ruba'i menjadi selingan dalam pengajaran agama seperti 'arud, qafiah dan balaghah kerana mengandungi mesej falsafah, metafizik, keagamaan dan pengajaran. Antara tokoh penyair Islam yang menulis ruba'i ialah Jalaludin Rumi, Abd. Rahman Jami, Firdausi, Nizami, Sanai, dan Hafiz.

Ruba'i

Pengarang Melayu kini yang menulis ruba'i ialah Major Datuk Hj. Muhammad Sa'id Hj. Sulaiman (Da-

tuk Paduka Seri Setia Johor) dan Syed Muhammad Naquib al-Attas. Contoh ruba'i Hamzah Fansuri ialah;

*Yugia kau pandang kapas dan kain,
Keduanya wahid asmanya lain,
Wahidkan hendak zahir dan batin,
Itulah ilmu kesudahannya main.*

Contoh ruba'i tentang masa oleh Syed Naquib;

*Masa bukanlah seumpama sungai mengalir,
Tapi s'umpama titik khayal 'nantiasa mungkir,
yang lampau, yang hadir, dan yang kemudian kelak,
Semuanya di dalam sesaat abadi hadir.*

Oleh Mohd Jusoh Majid

JAWAPAN KUIZ SASTERA SIRI 2

Pantun 1

*Dalam batang ada daun,
Dalam daun ada isi?*

Jenis pantun:
Pantun teka-teki.

Pantun 2

Orang tamak selalu rugi,
Bagai anjing dengan bayang.

Jenis pantun:
Pantun peribahasa.

PEMENANG

1. Tan Bee Ley,
Mambang Di Awan,
Kampar, Perak.
No. K.P.: 641117-08-5782

2. Masriani Ithnin,
Felda Keratong 4,
Bandar Tun Razak,
Pahang.
No. K.P.: 910405-01-5482